



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 18 April 2019

Bil. 5/2019

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

CUTI TANPA REKOD SEMENA PERAYAAN GOOD FRIDAY BAGI KAKITANGAN YANG MENGANUT AGAMA KRISTIAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan tarikh Hari Kelepasan Am sempena perayaan Good Friday bagi kakitangan yang menganut agama Kristian.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat bertarikh 17 April 2019, memaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju memberikan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari kepada semua kakitangan perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian sempena perayaan Good Friday mulai tahun 2019.
- 2.2 Pihak Pengurusan Universiti bersetuju untuk melaksanakan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan kepada kakitangan yang menganut agama Kristian dan berkhidmat di UMS - Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).


3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Kemudahan cuti tanpa rekod diberikan selama satu (1) hari mulai tahun 2019 kepada kakitangan yang beragama Kristian sempena perayaan Good Friday.
- 3.2 Pekeliling ini adalah terpakai kepada Kampus Antarabangsa Labuan sahaja. Tidak terpakai di Kampus Kota Kinabalu dan cawangan Sandakan yang mana Good Friday ialah Hari Kelepasan Am.
- 3.3 Ketua Jabatan harus mengambil perhatian dan memaklumkan kepada kakitangan dibawah seliaan masing-masing.

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa pada pada tarikh ianya dikeluarkan.

"BERTEKAD CEMERLANG"



VINA ZAHRIANI YUSOF

Pendaftar

Tarikh : 18 April 2019

- s.k.:
- ☞ Naib Canselor
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - ☞ Penolong Naib Canselor
 - ☞ Bendahari
 - ☞ Ketua Pustakawan



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.SARAAN(S) 43/35 Jld.9 (13)

17 April 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN GOOD FRIDAY
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT
AGAMA KRISTIAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan Good Friday mulai tahun 2019 kecuali bagi pegawai perkhidmatan awam di negeri-negeri yang perayaan Good Friday adalah merupakan hari kelepasan am.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)